

Terminal baru Kota Bharu siap lewat 2001

BH 27 AUG 2001

Oleh Azman Mahmood

TERMINAL baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, yang berharga RM48.5 juta dan kini dalam pembinaan, dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2002.

Projek terhabit adalah antara langkah awal dan sebagai persediaan ke arah memperbesar lapangan terbang berkenaan untuk menjadi lapangan terbang bertaraf antarabangsa pada masa depan.

Sehingga ini, terminal itu mencapai tahap 35 peratus pembinaan yang dilaksanakan syarikat kontraktor Bumiputera tempatan, Kubang Batang Puspa-Sari Sdn Bhd (KBPS).

Difahamkan, terminal sedia ada sekarang juga akan diubah suai yang dijangka bermula pada Mei tahun depan. Bagaimanapun,

Pembinaan terminal baru itu sebahagian daripada pembesaran lapangan terbang berkenaan untuk mencapai taraf antarabangsa

konsep pengubahsuaian belum dapat ditentukan lagi.

Sebelum ini, Kerajaan Pusat dikatakan mempunyai perancangan memperbesar lapangan terbang itu untuk dijadikan antara beberapa lapangan terbang bertaraf antarabangsa di negara ini.

Peningkatan itu dibuat bagi membolehkan lapangan terbang itu mampu menerima pendaratan pesawat lebih besar seperti Boeing 747-400 atau pesawat lain yang sekelas dengannya.

Sementara itu, Pengarah Urusan KBPS, Ahmad Rosdi Mahmud, berkata syarikat bertang-

gungjawab memastikan langkah pembesaran itu menepati spesifikasi ditetapkan dan mampu memberi keselesaan yang lebih baik kepada pengguna.

Katanya, terminal baru itu berbeza dengan yang sedia ada sekarang kerana mempunyai ruang tinjau yang luas di bahagian atas bangunan berbentuk dua tingkat.

Beliau berkata, antara kemudahan lain disediakan di terminal itu ialah surau, bilik ketibaan dan menunggu orang kenamaan (VIP) serta kantin dengan keluasan keseluruhan 12,000 meter persepi.

“Di kawasan Iuar berhampiran terminal itu turut disediakan ruang letak kenderaan lebih besar yang mampu menampung sehingga 1,500 kenderaan.

“Jika tiada masalah, kita jangka terminal baru itu akan siap mengikut jadual iaitu pada Disember tahun depan,” kepada **Berita Harian** di Kota Bharu.

Pada 20 Julai lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diberi taklimat mengenai kemajuan projek pembinaan terminal lapangan terbang itu.

Taklimat ringkas di tapak projek itu, disampaikan Pengarah Urusan Malaysia Airports Bhd (MAB), Datuk Adnan Shamsuddin.

Peletakan batu asas pembinaan terminal itu juga dilakukan Perdana Menteri pada 22 Julai 1999 dan pembinaannya bermula pada 25 Oktober tahun lalu.